



unicef

WORLD
CHILDREN'S
DAY 20 November
2018



#KIDSTAKEOVER SCHOOLS
KEBAIKAN UNTUK SETIAP KANAK-KANAK



MINISTRY OF
EDUCATION
MALAYSIA

THE
KINDNESS
PROJECT

WOMEN: girls

#KidsTakeover Schools: Kebaikan Untuk Setiap Kanak-Kanak

Pek Sekolah untuk Pelajar, September 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

© United Nations Children's Fund (UNICEF)

© Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita dan Gadis (WOMEN:girls)

Kebenaran diperlukan untuk mana-mana pihak yang ingin menerbitkan semula buku ini. Kebenaran akan diberikan kepada organisasi atau pertubuhan yang berlandaskan pendidikan. Sila hubungi:

UNICEF Malaysia

Menara PjH, Level 10, No. 2

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2

62100 Putrajaya

Wilayah Persekutuan Putrajaya

kualalumpur@unicef.org

www.unicef.org/malaysia

<https://children4change.unicef.my>

UNICEF telah mengambil pertimbangan dari setiap aspek bagi mengesahkan semua maklumat di dalam penerbitan ini.

eISBN: 978-967-16117-4-6

Rekaan Seni dan Grafik oleh Creative Paramedics.

#KIDSTAKEOVER SCHOOLS KEBAIKAN UNTUK SETIAP KANAK-KANAK



WORLD CHILDREN'S DAY

20 November 2010



Hari ini akan aku laungkan pada dunia

Memukul orang itu salah

Menghina orang itu salah

Mempersenda orang itu salah

Memulaukan orang itu salah

Hari ini akan aku laungkan pada dunia

Berbuatlah baik antara kita sentiasa

Lindungilah satu sama lain setiap masa

Kerana bersama-sama kita dapat membina dunia

Yang menyayangi semua anak-anak kita

Bersama-sama kita jadikan dunia selamat sejahtera

Bagi semua kanak-kanak di mana mereka berada

Kau dan aku boleh jadikan dunia ini

Tempat yang lebih baik setiap hari

Tapi titik mula semua yang ku laungkan tadi

Bermula dengan **HARI INI**

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| • Hormati Satu Sama Lain | 04 |
| • Hari Kanak-Kanak Sedunia | 06 |
| • Menyemai Budi Bagi Dunia Yang Lebih Baik: Projek <i>Kindness #KidsTakeover Schools</i> | 08 |
| • Apakah itu Buli? | 11 |
| • Kamu Juga Boleh Jadi Hero! | 12 |
| • Bagaimanakah Cara Untuk Saya Sertai Projek <i>Kindness</i> ? | 13 |
| • Projek <i>Kindness #KidsTakeover Schools</i> : Cadangan aktiviti untuk 19 November | 14 |
| • Peraduan Komik <i>Superhero</i> Peringkat Sekolah | 18 |
| • Manifesto Belia <i>#ENDViolence</i> UNICEF | 20 |
| • Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) | 21 |
| • Kalender Aktiviti Anda | 26 |
| • Jangan Lupa: Pesanan untuk yang Terbaik | 28 |
| • Lampiran | 32 |

HORMATI SATU SAMA LAIN

Kita hidup dalam sebuah negara yang majmuk dengan berbilang kaum, pelbagai budaya, bahasa, bangsa dan latar belakang.

Ini bermakna setiap insan harus saling hormat-menghormati dan berbuat baik terhadap satu sama lain barulah dunia kita menjadi satu tempat yang lebih baik untuk didiami, sama ada di rumah, sekolah maupun di dalam masyarakat kita.

Memang tak susah – apa yang perlu kita lakukan hanyalah dengan melayan orang lain seperti mana kita mahu orang lain melayan kita.

Sebab itulah UNICEF bersama-sama rakan usahasama kami, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pertubuhan WOMEN:girls menjemput semua kanak-kanak, para pelajar, guru dan ibu-bapa di seluruh Malaysia untuk bersama-sama kami pada hari Isnin, 19 November di dalam satu projek besar-besaran untuk menyebarkan kebaikan dan menghormati satu sama lain sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia.





HARI KANAK-KANAK SEDUNIA

Hari untuk kanak-kanak bertindak mempertahankan kepentingan semua kanak-kanak.

Hari Kanak-Kanak Sedunia pada tanggal 20 November setiap tahun merupakan satu hari istimewa yang dicipta untuk meraikan semua kanak-kanak serta hak mereka untuk menikmati zaman kanak-kanak yang sihat, selamat, dan menggembirakan. Seluruh dunia, dari New York ke New Zealand, dari Cape Town ke England, semua orang dari pelbagai umur akan bersama-sama memperjuangkan kanak-kanak dan hak-hak mereka di dalam dunia ini.

Hari istimewa ini juga merupakan panggilan untuk kanak-kanak bertindak – untuk mereka menuntut masa hadapan yang lebih baik bagi semua kanak-kanak. Satu hari yang menyeronokkan, dengan mesej yang serius, di mana kanak-kanak mengambil alih sekolah mereka, ruangan media, kerusi parliment, pentas hiburan dan gelanggang sukan untuk menarik perhatian dunia kepada cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh generasi mereka.

Ingat: Hari Kanak-Kanak Sedunia ialah hari kamu semua! Mari kita jadikan hari ini hebat gila supaya setiap hari ialah Hari Kanak-Kanak Sedunia!





TAHUKAH ANDA?

20 November ialah ulangtahun Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Pada tahun 1989, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencapai satu perjanjian hak asasi manusia yang khusus untuk kanak-kanak dipanggil CRC. Menurut CRC, setiap kanak-kanak yang berusia bawah 18 tahun mempunyai hak-hak istimewa sejak mereka dilahirkan.

Hak-hak ini bertujuan untuk memberi setiap kanak-kanak mempunyai kehidupan yang gembira dan masa hadapan yang cerah! Ingat perkara penting ini – tiada sesiapa pun yang boleh mengambil hak-hak ini daripada kamu! Jika semua orang memperjuangkan hak-hak ini, dunia pasti akan menjadi tempat yang lebih baik untuk kita semua.

Pergi ke muka surat 21 untuk mengetahui hak-hak kamu semua!


MENYEMAI BUDI BAGI DUNIA YANG LEBIH BAIK

Projek Kindness #KidsTakeover Schools

Cuba ingat balik – bilakah kali terakhir seseorang melakukan kebaikan kepada kamu? Orang yang kamu tak kenal tiba-tiba senyum kepada kamu, kawan kamu puji kamu, rakan kelas kamu tolong kamu siapkan kerja rumah. Sesuatu perbuatan yang baik cukup untuk jadikan hari seseorang itu lebih baik, kan?

Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai sifat yang baik. Sebab itulah untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia tahun ini, kami menjemput semua kanak-kanak daripada seluruh negara untuk memulakan satu gerakan kebaikan bagi menjadikan dunia lebih baik dan menggembirakan untuk semua.

Ada banyak aktiviti yang menarik untuk kamu dan rakan-rakan buat supaya dapat membawa perubahan! Mari kami cadangkan bagaimana kamu boleh mula!



1. Jadikan sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia sekolah kamu sebagai salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih untuk pengaktifan Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* bagi Hari Kanak-Kanak Sedunia dan berpeluang untuk dipilih letakkan diri dan sekolah kamu di atas peta global UNICEF! (Maklumat di muka surat 13 ke atas)
2. Ambil bahagian di dalam **Peraduan Komik Superhero Peringkat Sekolah UNICEF**. Kamu hanya perlu cipta watak *superhero* komik yang sentiasa memastikan dan memperjuangkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak belajar dan menangi peluang bekerja dengan sekumpulan pelukis dan penerbit komik professional untuk menghasilkan satu buku komik yang lengkap (Maklumat lanjut di muka surat 18)
3. Sertai gerakan global Manifesto Belia #ENDViolence UNICEF dengan menyumbangkan cadangan dan penyelesaian bagi menghentikan perbuatan buli. Manifesto ini akan dibentangkan di Forum Pendidikan Dunia pada 20 hingga 23 Januari 2018. (Maklumat lanjut di muka surat 20)
4. Kongsikan perbuatan baik anda di media sosial dengan hashtag #Kidstakeover #MYkindness2018 #WorldChildrensDay #ENDviolence

**MASA UNTUK BERSERONOK. GUNAKAN KREATIVITI ANDA.
DAN INGAT, HARI KANAK-KANAK SEDUNIA IALAH HARI KAMU SEMUA!**

TAHUKAH ANDA?

Pada tahun 2017, kajian soal selidik global UNICEF untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia mendapati bahawa 7 daripada 10 orang kanak-kanak di Malaysia risau dengan gejala buli berbanding hanya 3 daripada 10 orang kanak-kanak di Jepun dan England yang risau mengenainya di negara mereka.



PERLUKAN INSPIRASI?

Tak sabar nak mulakan? Tapi tak tahu macam mana nak mula?
Cuba tanya soalan-soalan berikut supaya dapat cungkil inspirasi!

Jika kamu ada kuasa sakti yang boleh digunakan untuk sebarkan kebaikan dan lindungi orang daripada dibuli, apakah kuasa itu dan bagaimanakah akan kamu gunakannya?

Jika kamu ada satu hari di mana setiap orang di dalam sekolah kamu berbuat baik antara satu sama lain, bagaimanakah kamu raikan hari tersebut?

Jika kamu ada peluang untuk jadikan sekolah kamu tempat paling selamat untuk semua orang supaya tiada seseorang pun yang dilukai, apakah yang akan kamu lakukan?



LIHAT, TIDAK SUSAH UNTUK JADI
SEORANG YANG BAIK KAN?

FAKTA

81 peratus kanak-kanak yang menjawab kaji selidik Children4Change UNICEF tahun lepas berikrar untuk menjadi baik dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain tak kira bangsa, kaum, jantina atau keupayaan, sebagai cara untuk menjadikan dunia lebih baik untuk setiap kanak-kanak.



APAKAH BULI?

Buli ialah perbuatan yang dilakukan secara sengaja dan berulang kali sama ada melalui kata-kata atau perbuatan/tindakan sehingga menyebabkan seseorang disakiti, berasa teruk dan tidak berupaya untuk menghentikan apa yang sedang berlaku kepada mereka.

Buli siber ialah sejenis perbuatan buli yang berlaku di atas talian atau melalui mesej dan emel. Ini termasuk memuat naik post yang tidak benar/khabar angin mengenai seseorang di laman seperti Facebook, menularkan gambar-gambar dan video-video yang boleh memalukan seseorang, dan membuat profil atau laman web palsu mengenai seseorang.

Buli juga termasuk memanggil seseorang dengan nama yang memalukan, memulakan fitnah dan khabar angin tentang seseorang, memulaukan seseorang dengan sengaja, mengambil atau merosakkan barang seseorang, menyerang seseorang dengan memukul atau menjerit kepada mereka. Buli tidak semestinya berlaku secara bersemuka, ia juga boleh berlaku tanpa berjumpa.

*Hancur badan dikandung tanah, budi baik terkenang jua.
(Maksudnya: Budi Bahasa yang baik tidak akan dilupakan orang)*

KAMU JUGA BOLEH JADI HERO!

Kamu pun boleh menjadi ejen perubahan yang kamu inginkan.
Ada banyak cara untuk kamu libatkan diri.

Antaranya ialah:



PERTAMA,

Jadi pemimpin atau ketua geng yang membanteras gejala buli di sekolah kamu dan sama-sama usahakan sebuah persekitaran yang menggalakkan setiap rakan-rakan kamu menghormati satu sama lain.



KEDUA,

Siasat di mana dan bila kejadian buli berlaku di sekolah kamu. Fikirkan cara supaya semua orang dapat membantu. Kongsi cadangan kamu dengan rakan-rakan. Besar kemungkinan orang dewasa pun tak tahu semua ini berlaku, jadi ajak kawan-kawan kamu untuk berjumpa dengan cikgu, kaunselor, jurulatih, atau ibu bapa untuk mendengar pendapat mereka juga.



KETIGA,

Jumpa pengetua sekolah dan bincang bagaimana kamu dan rakan-rakan boleh memainkan peranan di sekolah. Sekolah boleh menyediakan landasan bagi pelajar bersuara melalui program hentikan gejala buli. Sertai Jawatankuasa Keselamatan Sekolah. Buat poster mengenai gejala buli dan tampilkan serata sekolah. Jadilah model peranan kepada kanak-kanak yang lebih muda dari kamu.



KEEMPAT,

Jadilah perubahan yang kamu mahu. Tubuhkan skuad membanteras buli untuk meninjau kawasan-kawasan yang selalu menjadi lokasi buli. Tubuhkan kumpulan sokongan bagi mangsa buli, atau bersuara bagi pihak mereka.



KELIMA,

Ada lagi! Tulis blog, surat kepada pengarang surat khabar, atau tweet mengenai gejala buli dan sentiasa memberikan cadangan bagaimana untuk mempromosikan sikap baik dan hormat menghormati untuk semua.

BAGAIMANA SAYA NAK SERTAI PROJEK KINDNESS?

Jadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih Projek *Kindness #KidsTakeover Schools* dan jadikan sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia sekolah kamu tahun ini dikongsikan ke mata dunia oleh UNICEF Malaysia!

LANGKAH 1:

Pilih salah satu daripada empat aktiviti yang dicadangkan di muka surat 14–18 atau cipta aktiviti kamu sendiri.

LANGKAH 2:

Rancang aktiviti pilihan kamu dengan kawan-kawan dan guru di sekolah untuk Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia. Apabila semua sudah gembira, teruja dan puas hati dengan rancangan itu, isikan borang cadangan aktiviti (Lampiran di muka surat 35-36) dan hantarkan kepada kami ke shuen@womengirls.org sebelum 31 Oktober 2018. Lima cadangan sambutan *#KidsTakeover #MYkindness2018* yang paling kreatif dan original berlandaskan tema kebaikan akan menjadi antara Sekolah Terpilih di Malaysia!

LANGKAH 3:

Ikuti UNICEF Malaysia di instagram @unicefmalaysia atau ikuti hashtag *#KidsTakeover* dan *#MYkindness2018* untuk lihat gambar-gambar dan cerita persiapan dan sambutan oleh kanak-kanak dan sekolah lain yang menyertai projek ini (Pastikan kamu salah seorang daripada mereka yang kongsi sambutan ini!)

LANGKAH 4:

Pada 19 November, semua sekolah yang menyertai projek ini akan menganjurkan sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia mereka dengan projek *Kindness #KidsTakeover Schools*. Sertai mereka supaya kita dapat memeriahkan sambutan ini ke mata dunia! Kongsi gambar dan video sambutan anda dengan hashtag *#WorldChildrensDay #KidsTakeover #MYkindness2018 #ForEveryChild* di semua laman media sosial. Lima Sekolah Terpilih akan mendapat hadiah dalam bentuk rakaman profesional dan liputan media sosial oleh UNICEF Malaysia untuk dikongsikan ke seluruh dunia (WAH BESTNYA!)

Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati
(Maksudnya: Budi baik seseorang hanya dapat dibalas dengan kebaikan)



SAYA DATUK BANDAR UNTUK BANDAR TERBAIK DI DUNIA!

Ajak rakan-rakan untuk mencipta satu bandar mini yang paling baik di dalam sekolah kamu.

1. Cipta nama yang unik untuk bandar kamu!
2. Lantik seorang Datuk Bandar dan jawatankuasa pengurusan bandar dalam kalangan pelajar.
3. Gunakan ruang di persekitaran sekolah dan cipta komponen asas sesebuah bandar seperti penduduk, penempatan, infrastruktur, pengangkutan, kedai-kedai, kemudahan, dan lain-lain.
4. Hias dan cantikkan bandar kamu dengan pelbagai papan tanda yang menggalakkan pujian dan kata-kata kebaikan
5. Tubuhkan undang-undang atau peraturan yang dapat memastikan bandar kamu menjadi bandar paling baik di dunia!

Pastikan kamu dapat libatkan semua orang untuk bekerjasama dengan penuh harmoni dan kegembiraan.

Mana tahu, cita-cita kamu untuk menjadi Datuk Bandar satu hari nanti menjadi kenyataan!



Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
(Maksudnya: Kita sentiasa berterima kasih ke atas kebaikan orang terhadap kita)




AKTIVITI 2

PERSEKITARAN YANG SELAMAT, KITA YANG TENTUKAN!

Tiba masanya untuk kamu buat sendiri peraturan yang diperlukan oleh Piagam Keselamatan untuk Kanak-Kanak di bandar kamu dan bantu lindungi kanak-kanak lain juga!

- 1 Pergi ke muka surat 21 dan ketahui hak asasi untuk semua kanak-kanak supaya kanak-kanak dalam masyarakat kamu boleh belajar di dalam persekitaran yang selamat.
- 2 Kumpulkan sekumpulan pelajar untuk membincangkan cadangan bagi menyelesaikan isu-isu keselamatan yang mereka hadapi dan apa yang perlu diubah supaya perlindungan kanak-kanak ini dapat dicapai.
- 3 Rancang satu sesi debat di sekolah kamu pada 19 November dan jemput orang-orang penting daripada Majlis Perbandaran atau ahli PIBG untuk berdebat mengenai kepentingan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak supaya pembuli tidak boleh melukai seseapa pun lagi. Kamu juga boleh siarkan debat ini melalui Facebook Live atau Insta Live untuk tontonan semua!
- 4 Selepas debat tersebut, cipta satu Piagam Keselamatan untuk Kanak-Kanak dan bentangkan kepada Majlis Perbandaran dan pihak PIBG supaya mereka semua bersetuju dan melaksanakan piagam yang dicipta oleh kanak-kanak seperti kamu!



Sehingga seseorang seperti kamu ambil berat tentang sesuatu dengan sepenuh hati, tiada apa pun yang akan jadi lebih baik. – Dr. Seuss



NYANYIKANLAH SUARA HATIMU, PENYANGI BUDIMAN!

Anjurkan pertandingan muzik atau menyanyi ala-konsert di mana peserta diminta untuk menukar lirik lagu-lagu popular dan memasukkan lirik mereka sendiri mengenai sikap dan perbuatan baik.



Gegar Vaganza ke, Akademi Fantasia ke, semua boleh ketepi. Biar kita ambil alih dan tunjukkan kepada mereka bagaimana kita nyanyikan lagu tentang berbudi!



Oh, kalau nak ekstra – boleh buat *flash mob* juga! Tak kisahlah *panama dance* ke, zapin ke, *keke challenge* ke, ataupun tarian kamu sendiri!

MASA UNTUK MENARI DAN MENYANYI



Yay ke, Nae Nae?




Hanya air dingin yang dapat memadamkan api.
(Maksudnya: Kata-kata yang baik dan lemah lembut dapat menyegarkan hati yang marah)



AKTIVITI 4

KEMPEN SEKOLAH SELAMAT – FILEM PENDEK SAYA!



Mari kita buat dan tunjukkan kepada dunia!

Jom mulakan satu kempen video mengenai filem pendek kamu sendiri.

Mula-mula,

Tuliskan satu sinopsis atau jalan cerita filem pendek mengenai seorang pembuli yang ingin meminta maaf kepada orang yang dia pernah buli kerana mahu berubah menjadi seorang yang baik.



Lepas itu,

Pastikan jalan cerita kamu berlandaskan cerita yang kamu tahu atau pengalaman sendiri.



Kemudian,

Cipta watak-watak yang terlibat, cuba tulis skrip dan dialog dan apa yang berlaku dalam filem pendek kamu!




Jika kertas cadangan kamu terpilih, krew profesional kami akan datang untuk merakamkan filem pendek yang bakal kamu arahkan sendiri!



Apa lagi Tuan Pengarah, boleh practice laungkan –
ACTION!

Sekejap, kita belum habis lagi.



Kamu juga kena rancang bagaimana nak mempromosikan filem pendek kamu menggunakan semua media sosial untuk beritahu semua orang!

Macam nilah baru *VIRAL!*





Kami mencari *superhero* untuk lindungi sekolah kami!

Jika kamu berusia di bawah 25 tahun dan berminat dengan komik dan mempunyai imaginasi seorang *superhero* maka peraduan anjuran UNICEF ini memang untuk kamu!

Kami menjemput kanak-kanak untuk mencipta watak *superhero* dan pengembaraan mereka dalam memastikan sekolah selamat, aman dan tiada gejala buli.

Ini juga satu peluang untuk kamu mencipta buku komik yang bakal diterbitkan oleh PBB!

(P/S: tahun lepas pelajar Malaysia menang peraduan ini!)

BAGAIMANA SAYA NAK MULA?

1. Pilih satu senario buli untuk watak *superhero* kamu selesaikan (pastikan kamu dah senaraikan semua jalan penyelesaian menggunakan kebaikan supaya kamu boleh buat jalan cerita nanti)
2. Fikirkan kuasa sakti apa yang kamu ingin gunakan untuk selesaikan kejadian buli ini
3. Kembangkan watak-watak yang ada – cipta nama *superhero* kamu, latar belakang dia, musuh dia dan juga ciri-ciri lain bagi watak *superhero* ini.
4. Tuliskan pengembaraan *superhero* ini di dalam menyelesaikan masalah ini. Bayangkan pengembaraan seperti BoBoiBoy, Ejen Ali, X-Men dan Avengers!
 - **Pendahuluan:** Terangkan di mana dan kenapa masalah itu bermula
 - **Kandungan:** Perkenalkan *superhero* kamu dan terangkan bagaimana dia boleh selesaikan masalah ini
 - **Penghujung cerita:** Ceritakan bagaimana *superhero* itu dapat menyelesaikan masalah dan bagaimana keadaan dunia apabila masalah buli itu dapat diselesaikan
5. Sekarang, kamu boleh mula melukis dan memberikan kehidupan kepada karya artistik kamu itu!
6. Apabila kamu selesai dan berpuas hati, boleh dapatkan borang penyertaan (Lampiran muka surat 33) dan Borang Persetujuan Ibu-bapa (Lampiran muka surat 34) untuk hantarkan penyertaan kamu!



Jangan lupa tarikh-tarikh penting ini:

**5 Oktober
2018**

Pelancaran
Peraduan
Komik

21 Oktober 2018

Hari terakhir untuk
menghantar penyertaan
melalui emel

**16 hingga 25
November 2018**

Undian *Global
Digital*

Disember 2018

Pemenang
diumumkan

Julai 2019

Pelancaran buku komik
pemenang di Forum
Antarabangsa PBB

Untuk maklumat lanjut, layari:

<https://www.unicef.org/school-superhero-comic-contest>

MANIFESTO BELIA #ENDVIOLENCE UNICEF

Letakkan diri kamu di atas peta dunia dengan menyertai gerakan global di mana kanak-kanak dan belia berdedikasi untuk menjadikan sekolah mereka tempat yang selamat untuk belajar.

UNICEF menjemput pelajar dari serata dunia untuk menghantar idea-idea yang boleh menghentikan gejala buli di sekolah. Kami kini mengumpul pendapat dan pandangan pelajar-pelajar mengenai apa yang mereka mahu lakukan dan apa yang mereka perlu daripada orang atau pihak lain untuk menjadikan sekolah selamat dan persekitaran mereka bebas dari sebarang gejala buli. Semua idea ini akan dibentangkan kepada menteri-menteri pendidikan di Forum Pendidikan Dunia pada 20 hingga 23 Januari 2019.



BAGAIMANA SAYA NAK MULA?

1. Ajak kawan-kawan, rakan sekelas dan cikgu kamu untuk memikirkan bagaimana untuk menjadikan sekolah lebih selamat. Apa yang kamu rasa paling penting...?
 - Peraturan dan undang-undang yang ketat untuk menghentikan gejala buli di dalam dan sekeliling sekolah?
 - Polisi anti-buli yang menggalakkan sikap dan budi baik?
 - Perubahan tanggapan dan perlakuan manusia supaya gejala buli tidak dianggap 'normal'
 - Kanak-kanak boleh bersuara dan mengambil tindakan untuk memastikan diri mereka dan rakan-rakan mereka selamat. Ini termasuk membuat keputusan yang baik dan bijak di atas talian.
2. Bincangkan semua idea-idea di atas. Adakah kamu faham dengan semua idea-idea ini? (Jika tidak, minta tolong guru kamu untuk penerangan lanjut). Ada apa-apa yang tertinggal dalam perbincangan kamu? Apakah perkara yang paling terkesan bagi kamu? Perkara manakah yang kamu rasa golongan belia dan kanak-kanak lebih mahir dan boleh membawa perubahan sendiri? Bagaimana?
3. Buat piagam, poster atau kain rentang sebagai satu perkongsian penyelesaian dan idea-idea tindakan selepas kamu capai kesimpulan perbincangan tersebut.
4. Ambil gambar idea-idea tindakan kamu. Tangkap gambar yang menyeronokkan dan kreatif tau.
5. Muatnaik gambar-gambar kamu itu ke **Peta Digital World's Largest Lesson**. Daripada menu tarik turun label "*I am taking part in the World's Largest Lesson thanks to...*" sila pilih "UNICEF".
6. Ingat, penyertaan mesti dihantar melalui peta digital WLL sebelum 30 Oktober 2018.

Buatlah baik, kerana apabila kebaikan menjadi sebahagian daripada sesuatu, ia mengindahkan perkara atau benda tersebut. Apabila kebaikan diambil keluar daripada sesuatu, maka rosaklah ia. – Nabi Muhammad S.A.W.



TAHUKAH ANDA?

Setiap kanak-kanak di dunia ini mempunyai hak (perkara yang kamu berhak dan patut dapat), yang telah dimeterai di bawah perjanjian Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 1995.

KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)

Ini semua hak kamu! Pastikan kamu ingat dan gunakan sebagai panduan utama untuk mengetahui apa yang kamu berhak dapat!

1. Setiap orang di bawah usia 18 tahun mempunyai hak-hak yang ternyata di dalam Konvensyen ini.
2. Semua kanak-kanak mempunyai hak-hak ini, tidak kira siapa mereka, di mana mereka tinggal, apa pekerjaan ibu bapa mereka, bahasa pertuturan mereka, agama dan budaya mereka, sama ada mereka lelaki atau perempuan, sama ada mereka mempunyai lain keupayaan, sama ada mereka kaya, mahupun miskin. Kanak-kanak tidak boleh dilayan dengan tidak adil atas apa sebab sekalipun.
3. Semua orang dewasa patut lakukan apa yang terbaik untuk kanak-kanak. Apabila orang dewasa membuat keputusan, mereka harus fikir jika keputusan mereka akan memberi kesan terhadap kanak-kanak.
4. Kerajaan-kerajaan mesti menggunakan semua sumber yang mereka ada untuk melaksanakan hak-hak di bawah Konvensyen ini.
5. Kerajaan-kerajaan perlu menghormati hak dan tanggungjawab keluarga untuk membimbing anak mereka supaya menggunakan hak-hak mereka dengan sewajarnya.
6. Setiap kanak-kanak berhak untuk hidup dan membesar.
7. Kanak-kanak berhak mempunyai nama, dan ini perlu diiktiraf oleh kerajaan mereka. Mereka berhak mendapat kewarganegaraan (mempunyai tanahair).



8. Kanak-kanak berhak untuk mempunyai identiti – rekod rasmi mengenai diri mereka. Tiada sesiapa pun patut ambil hak ini daripada mereka.
9. Kanak-kanak tidak patut dipisahkan daripada ibu bapa mereka kecuali untuk kebaikan mereka. Kanak-kanak yang dipisahkan oleh ibu bapa mereka perlu dibenarkan untuk berhubung dengan ibu bapa mereka kecuali jika perhubungan itu akan memudaratkan kanak-kanak tersebut.
10. Jika kanak-kanak itu tinggal di dalam negara yang berlainan daripada ibu bapa mereka, kanak-kanak tersebut berhak tinggal bersama-sama dengan ibu bapa mereka
11. Pihak kerajaan perlu halang kanak-kanak daripada dibawa keluar daripada negara mereka secara haram.
12. Kanak-kanak berhak memberikan pendapat mereka, dan orang dewasa perlu mendengar dan mengambilnya dengan serius.
13. Kanak-kanak berhak mencari ilmu serta berkongsi pendapat dengan orang lain melalui perbincangan, lukisan, penulisan dan apa-apa cara sekalipun kecuali jika ia memudaratkan orang lain.
14. Kanak-kanak berhak memilih agama dan kepercayaan mereka sendiri. Ibu bapa perlu mendorong dan membimbing mereka mengenai perkara yang betul dan salah dan apa yang terbaik untuk mereka.
15. Kanak-kanak berhak memilih kawan mereka dan menyertai kumpulan kawan, selagi penglibatan ini tidak memudaratkan diri mereka atau orang lain.
16. Kanak-kanak berhak mendapat privasi.





17. Kanak-kanak berhak mendapat maklumat yang berguna untuk kepentingan mereka daripada radio, surat khabar, buku, komputer dan sumber-sumber lain. Orang dewasa perlu memastikan maklumat yang mereka dapat tidak memudaratkan dan boleh membantu mereka memahami maklumat yang mereka perlukan.
18. Kanak-kanak berhak dibesarkan oleh ibu bapa mereka kalau boleh. Pihak kerajaan patut membantu ibu bapa dengan menyediakan perkhidmatan yang boleh membantu mereka terutamanya jika kedua ibu bapa bekerja.
19. Pihak kerajaan perlu memastikan kanak-kanak dijaga dengan baik dan dilindungi daripada keganasan, penderaan dan pengabaian daripada sesiapa yang sepatutnya menjaga mereka.
20. Kanak-kanak berhak mendapat jagaan istimewa dan bantuan jika mereka tidak boleh tinggal bersama ibu bapa mereka.
21. Apabila kanak-kanak diambil sebagai anak angkat, pertimbangan utama ialah apa yang terbaik untuk mereka.
22. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan istimewa dan bantuan jika mereka adalah pelarian, termasuk semua hak di bawah Konvensyen ini.
23. Kanak-kanak berhak mendapat pendidikan khas dan penjagaan jika mereka mempunyai kelumpuhan atau kehilangan upaya, termasuk semua hak di bawah Konvensyen ini, supaya mereka boleh menjalani kehidupan sepenuhnya.
24. Kanak-kanak berhak mendapat penjagaan kesihatan yang terbaik (jika boleh), air yang bersih untuk diminum, makanan yang berkhasiat, persekitaran yang bersih dan selamat, dan maklumat untuk menjaga kesihatan diri mereka.
25. Kanak-kanak yang tinggal di bawah jagaan orang lain atau jauh daripada rumah ibu bapa mereka, berhak mendapat persekitaran tempat tinggal yang sentiasa diperiksa supaya sesuai dan selamat untuk mereka.



26. Pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan kewangan bagi kanak-kanak miskin.
27. Kanak-kanak berhak mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selamat, dan keperluan asas mental dan fizikal mereka dipenuhi. Pihak kerajaan perlu membantu keluarga dan kanak-kanak yang tidak mampu untuk mendapatkan semua ini.
28. Kanak-kanak berhak mendapat pendidikan. Peraturan disiplin di sekolah perlu menghormati maruah kanak-kanak. Kanak-kanak digalakkan untuk pergi ke sekolah sehingga peringkat paling atas selagi mereka mampu.
29. Pendidikan kanak-kanak patut membantu mereka menggunakan dan mengembangkan bakat dan keupayaan mereka. Ia juga patut membantu mereka belajar menghormati hak-hak orang lain, hidup dengan aman dan melindungi persekitaran mereka.
30. Kanak-kanak berhak mengamalkan tradisi budaya, bahasa dan agama mereka – walaupun ini semua tidak termasuk dalam amalan golongan majoriti negara tempat tinggal mereka.
31. Kanak-kanak berhak bermain, berehat dan beriadah dan juga menyertai aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian.
32. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan daripada pekerjaan yang memudaratkan dan tidak baik untuk kesihatan dan pembelajaran mereka. Jika mereka bekerja, mereka berhak mendapat ganjaran yang adil dan keselamatan yang dijamin.
33. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan daripada dada yang merbahaya dan juga pemerdagangan dadah.
34. Kanak-kanak berhak bebas dari penderaan dan pengeksplotasian seksual.
35. Pihak kerajaan perlu memastikan kanak-kanak tidak diculik, dijual dan diperdagangkan.

36. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan daripada sebarang pengeksploitasi (diambil kesempatan)
37. Kanak-kanak yang tidak mematuhi undang-undang tidak sepatutnya dibunuh, didera dengan kejam, atau dipenjarakan dengan orang dewasa. Penjara sepatutnya menjadi penyelesaian terakhir dan hanya untuk tempoh masa yang singkat sahaja. Kanak-kanak yang dipenjarakan patut mendapat bantuan guaman dan dibenarkan berhubung dengan keluarga mereka.
38. Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan dan kebebasan daripada peperangan. Kanak-kanak tidak boleh dipaksa untuk menjadi askar atau mengambil bahagian di dalam peperangan.
39. Kanak-kanak berhak mendapat bantuan jika mereka cedera, diabaikan atau dilayan dengan teruk supaya mereka boleh mendapat kesihatan dan maruah mereka kembali.
40. Kanak-kanak berhak mendapat bantuan guaman dan layanan yang adil di dalam sistem pengadilan yang menghormati hak mereka.
41. Jika undang-undang sesebuah negara menyediakan perlindungan hak kanak-kanak yang lebih baik daripada perkara-perkara di bawah Konvensyen ini, undang-undang tersebut perlu diterimapakai.
42. Kanak-kanak berhak mengetahui hak-hak mereka. Orang dewasa perlu tahu hak-hak ini dan bantu kanak-kanak mempelajarinya.
- 43 to 54. Perkara-perkara ini menerangkan bagaimana kerajaan negara-negara pihak dan organisasi antarabangsa seperti UNICEF akan bekerjasama untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat hak asasi mereka.

Malaysia menandatangani konvensyen ini pada tahun 1995 untuk menjadikan matlamat melindungi hak kamu semua sebagai tanggungjawab negara!

“Elok bahasa kan bakal hidup, elok budi kan bakal mati.”

(Maksudnya: Orang yang baik bahasanya jadi kesayangan orang selagi hidup, sesudah mati akan sentiasa diingati)

KEJAP, ADA LAGI!

**5^{HB} SEPTEMBER 2018
(RABU)**

Pelancaran pengaktifan global **World's Largest Lesson 2018** dengan **Pek Aktiviti Pembelajaran Selamat** (Matlamat 4 dan 16) untuk menggerakkan pelajar dan belia untuk bertindak mencapai Matlamat Global untuk menghentikan keganasan **#ENDViolence**.

**7^{HB} SEPTEMBER 2018
(JUMAAT)**

Pelancaran Hari Kanak-Kanak Sedunia **#MYkindness2018 #KidsTakeover Schools** di Malaysia! Masa untuk mula merancang pelan sambutan anda! Jangan lupa muat turun pek sekolah untuk pelajar atau dapatkan daripada cikgu anda.

**31^{HB} OKTOBER 2018
(RABU)**

Tarikh akhir untuk penyertaan kertas cadangan sambutan **#MYkindness2018 #KidsTakeover Schools**! Jangan lupa untuk hantar tau, supaya cadangan sambutan kamu boleh jadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih untuk Hari Kanak-Kanak Sedunia!

**5^{HB} NOVEMBER 2018
(ISNIN)**

Pengumuman 5 Sekolah Terpilih untuk **#MYkindness2018**!

**25^{HB} NOVEMBER 2018
(AHAD)**

Tarikh akhir untuk penyertaan Manifesto Belia **#ENDViolence** UNICEF Cepat! Peluang terakhir untuk kongsikan idea anda dengan kami.

**20^{HB}-23^{HB}
JANUARI 2019**

Pembentangan Manifesto Belia **#ENDViolence** UNICEF di Forum Pendidikan Dunia di London.

**5^{HB} FEBRUARI
2019 (SELASA)**

Sambutan Safer Internet Day - **#ENDViolence** Atas Talian - Mari kita penuhkan kehidupan digital kita dengan kebaikan!

Simpan Kalendar ini dekat dengan hati dan dekat dalam beg tau!

25^{HB} SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Kami memanggil semua pelajar untuk memberikan idea dan cadangan penyelesaian bagi Manifesto Belia #ENDViolence! Kongsiakan gambar-gambar dan video-video anda di **Peta Digital World's Largest Lesson.**

5^{HB} OKTOBER 2018 (JUMAAT)

#ENDViolence
- Pelancaran **Peraduan Komik Superhero**
Peringkat Sekolah di Persidangan Komik New York City (Comic Con)

21^{HB} OKTOBER 2018 (AHAD)

Tarikh akhir untuk penyertaan Peraduan Komik Superhero Peringkat Sekolah. Pastikan kamu dah hantar komik superhero kamu, okey!

19^{HB} NOVEMBER 2018 (ISNIN)

#MYkindness2018
#KidsTakeover Schools
berlangsung hari ini!!!

20^{HB} NOVEMBER 2018 (SELASA)

Hari Kanak-Kanak Sedunia - Hari ini Hari KAMU SEMUA!

Jangan lupa untuk menyertai perbualan di media sosial untuk #WorldChildrensDay #KidsTakeover



INGAT!

BUAT BAIK

HORMAT SEMUA ORANG

JANGAN STEREOTAIP ORANG

JANGAN MENGEJEK DAN MEMALUKAN ORANG LAIN

HARGAI PENDAPAT ORANG LAIN

Ayat yang baik boleh menceriakan hari seseorang. Walaupun kita tak kenal mereka, tunjukkan bahawa kita mengambil berat dengan melibatkan mereka. Cuba berborak dengan mereka di sekolah atau ajak mereka makan bersama pada waktu rehat.

Kalau kita selalu kasar dan garang, kita takkan ke mana dalam hidup ini. Sentiasa ingat semua orang itu berbeza. Tiada yang lebih baik atau lebih teruk. Hanya berbeza. Hormat dan berbuat baik kepada orang lain sebagaimana kita mahu orang lain menghormati dan berbuat baik kepada kita.

Sikap prejudis dan perkauman akan menjadikan seseorang itu buruk, secara zahir dan batin. Jadi, apa kata kita tunjukkan minat dan penghargaan kepada mereka yang mempunyai budaya dan latar belakang yang berlainan. Raikan perbezaan dan kebaikan yang kita lihat di dalam diri semua orang.

Hanya kerana mereka berbeza, tidak bermaksud kita ada hak untuk ejek atau malukan mereka. Sebelum kita membuat apa-apa, bayangkan dulu perasaan kita sendiri jika ada orang ejek dan ketawakan penampilan kamu, pemakaian kamu, cara kamu berinteraksi atau asal usul kamu.

Beri perhatian ketika orang lain sedang bercakap. Kamu mungkin dapat mempelajari sesuatu yang baru; atau menjumpai minat yang dapat dikongsi bersama.

"Ada ubi ada talas, ada budi ada balas."

(Maksudnya: Berbuat baik dibalas baik, berbuat jahat dibalas jahat)

Ini 50 Budi Baik yang kamu boleh lakukan di sekolah kamu

1. Buka pintu untuk orang yang nak masuk selepas kamu.
2. Beri keutamaan kepada mereka yang dah tunggu dan beratur lama untuk berada di hadapan.
3. Tolong tekankan mesin minum air untuk seseorang.
4. Pinjamkan pensel kepada kawan yang memerlukan.
5. Beritahu seseorang yang kamu gembira dapat melihat mereka.
6. Berikan guru kamu satu pujian.
7. Berikan pengetua kamu satu pujian.
8. Bacakan buku untuk seorang kawan atau pelajar lagi muda.
9. Bersiap sedia untuk belajar apabila cikgu mulakan kelas.
10. Cakap 'hai' kepada pelajar lain yang bukan kawan kamu.
11. Bercakap dengan pelajar lain yang selalu bersendirian.
12. Ajak seorang rakan baru untuk bermain ketika waktu rehat.
13. Tulis nota terima kasih kepada pustakawan.
14. Kutip sampah sarap yang ada di koridor.
15. Kutip sampah sarap yang ada di dalam kelas.
16. Tolong cikgu kamu jika dia sedang mengangkat banyak buku.
17. Berikan tukang bersih di sekolah kamu satu pujian.
18. Puji pokok-pokok dan bunga-bunga yang ditanam oleh tukang kebun sekolah kamu.
19. Jemput seseorang makan dengan kamu waktu rehat.



20. Kemaskan meja tanpa disuruh.
21. Tuliskan nota baik untuk guru ketika menghantar kerja rumah.
22. Lukiskan gambar cikgu seni kamu dengan nota pujian yang pendek.
23. Tolong pelajar lain dengan tugas mereka di kelas.
24. Kongsikan lawak jenaka untuk buat seseorang ketawa.
25. Buat kad ucapan dan berikan kepada drebar bas sekolah kamu.
26. Pujilah makcik kantin di sekolah kamu.
27. Senyum kepada semua, terutamanya kepada mereka yang tidak suka senyum!
28. Tanya cikgu kamu jika kamu boleh tolong apa-apa.
29. Sediakan diri untuk subjek seterusnya.
30. Ucapkan "Selamat Pagi" kepada semua orang apabila kamu sampai di sekolah.
31. Belanja seorang kawan yang lain.
32. Beritahu seseorang betapa kamu bersyukur dengan kehadirannya di dalam hidup kamu dan mengapa kamu rasa begitu.
33. Kongsikan buku yang kamu dah habis baca dengan kawan lain.
34. Hiasi kelas kamu dengan buku-buku cerita yang kamu bawa dan sedekahkan daripada rumah.
35. Bantu pelajar lain yang sedang menghadapi masalah pembelajaran.
36. Jika ada seseorang yang terjatuhkan barang di koridor, tolong dia kutipkan.



37. Tulis nota yang baik atau lukis gambar pelajar lain dan berikan kepada mereka.
38. Duduk sebelah atau cuba berborak dengan seseorang yang kelihatan sedih.
39. Pinjamkan pensel, pemadam, krayon, pen marker dan apa lagi yang diperlukan oleh rakan sekelas yang tertinggal bekas pensel.
40. Cakap ‘hai’ dan senyum kepada orang yang kamu berselisih di koridor.
41. Buat kad ucapan untuk dihantar ke rumah orang-orang tua.
42. Berikan nota terima kasih kepada pak guard dan mak guard kerana menjaga dan melindungi sekolah.
43. Sentiasa berikan kata pujian kepada orang yang lebih tua terutamanya ibubapa kawan kamu.
44. Tinggalkan hadiah untuk seseorang – untuk posmen kamu pun boleh!
45. Tolong lap dan keringkan papan gelongsor dan buaian di padang permainan selepas hujan.
46. Berikan tisu jika ada orang berhampiran kamu bersin.
47. Biasakan diri untuk cakap “minta tolong” dan “terima kasih”.
48. Tolong kemas walaupun bukan kamu yang sepahkan.
49. Sedekah sekotak tisu atau barang keperluan lain untuk kelas kamu.
50. Bersihkan papan putih/hitam di kelas sebelum cikgu suruh.

Senarai ini memang takkan habis. Jadi apa kata kamu mulakan senarai kamu sendiri hari ini!



LAMPIRAN

BORANG PENYERTAAN PERADUAN KOMIK **SUPERHERO** PERINGKAT SEKOLAH

Apakah nama kamu? _____

Berapakah umur kamu? Saya berumur _____ tahun. Negara: _____

Jantina: Perempuan Lelaki Saya bukan perempuan atau lelaki

Lain-lain: _____

Ceritakan sedikit mengenai diri kamu!

(seperti apa yang kamu suka buat ketika masa lapang dan kamu belajar di sekolah mana?)

Sila cipta lukisan *superhero* kamu sendiri. Ingat, kami tidak hanya fokus kepada kemahiran artistik kamu. Kami mahu melihat *superhero* yang menarik, unik dan pelbagai!

Nama *Superhero* Kamu: _____

Kuasa Sakti: *Superhero* saya boleh _____

Tulis sinopsis cerita bagaimana *superhero* kamu membalaaskan dan menyelamatkan satu insiden buli menggunakan kebaikan (dalam 300 patah perkataan)

Lampirkan komik kamu dengan borang ini bersama-sama dengan borang kebenaran ibubapa. Peraduan ini bermula pada 5hb Oktober 2018

Layari <https://www.unicef.org/school-superhero-comic-contest> untuk menghantar borang penyertaan anda!



BORANG KEBENARAN IBU BAPA UNTUK PERADUAN KOMIK SUPERHERO PERINGKAT SEKOLAH

Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah! Borang Kebenaran Ibu Bapa

Daripada 5 Oktober - 21 Oktober 2018, UNICEF menjemput semua kanak-kanak dan belia di seluruh dunia untuk menghantar satu konsep untuk seorang *superhero* yang membantu setiap kanak-kanak belajar dalam persekitaran yang selamat di dalam Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah anjuran UNICEF. Sebuah panel juri daripada UNICEF akan memilih satu koleksi penyertaan terbaik dan daripada pemilihan itu, undian digital akan dibuat daripada 16 - 25 November 2018. Pemenang undian tertinggi akan bekerja dengan satu pasukan profesional untuk mencipta komik mereka yang akan dilancarkan di atas talian di Forum Politik Matlamat Global - Peringkat Atasan (pada bulan Julai 2019). Sepanjang tempoh peraduan, UNICEF akan kongsi konsep-konsep *superhero* kegemaran semua di laman media sosial. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peraduan ini dan membaca kesemua Terma dan Syarat, sila layari laman web peraduan: <https://uni.cf/SSCC-en>

Jika anda ada sebarang pertanyaan sila emel: engage@unicef.org

Dengan menandatangani borang ini Saya, _____,

memberikan kebenaran bagi anak jagaan saya, _____,

untuk menyertai Peraduan Komik *Superhero* Peringkat Sekolah dan saya maklum bahawa lukisan anak jagaan saya akan dikongsi di media sosial.

Ditandatangani oleh: _____ (ibubapa/penjaga) Tarikh: _____

Ditandatangani oleh: _____ (peserta) Tarikh: _____



BORANG CADANGAN PROJEK **KINDNESS**

Nama Sekolah: _____

Negeri: _____

Nama Ketua Projek: _____

Umur dan Kelas: _____

Aktiviti yang dicadangkan pada 19 November 2018 (Isnin):

Apa yang kami mahu anjurkan di sekolah untuk Projek *Kindness #KidsTakeover Schools?* (*Pilih daripada aktiviti-aktiviti yang dicadangkan atau cipta aktiviti anda sendiri!*)

Bagaimana kami akan jayakan aktiviti ini?

(*pastikan semuanya mengikut stail dan cara kamu, okey!*)

Kenapa kami mahu lakukan aktiviti ini?

(*Sebab kenapa anda pilih untuk mengadakan aktiviti ini*)



Siapa yang akan menghadiri dan menyertai aktiviti ini ?

(Siapa yang anda jemput dan berapa ramai yang akan menghadiri dan menyertai aktiviti ini)

Dari pukul berapa sehingga pukul berapakah aktiviti ini akan dilangsungkan?

(Pukul berapa aktiviti ini bermula dan berakhir)

Mula pada _____ dan habis pada _____

Di manakah aktiviti ini bakal dilaksanakan?

(Tuliskan di mana ia akan dilaksanakan, sama ada di dalam dewan sekolah, atau koridor, semua kawasan yang terbabit)

Imbas dan Hantar borang ini bersama-sama dengan borang kebenaran pengetua melalui emel ke shuen@womengirls.org sebelum 31hb Oktober 2018 dan jangan lupa tajuk emel anda perlu seperti berikut: PENYERTAAN SEKOLAH UNTUK PROJEK KINDNESS

Kami harap kertas cadangan anda menjadi salah satu daripada 5 Sekolah Terpilih!



HARI KANAK-KANAK SEDUNIA
PROJEK KINDNESS #KIDSTAKEOVER SCHOOLS

BORANG KEBENARAN PENGETUA/GURU BESAR SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia, Pertubuhan WOMEN:girls dan UNICEF menjemput sekolah-sekolah dari seluruh Malaysia untuk menyertai Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dengan Projek Kindness #KidsTakeover Schools pada hari Isnin, 19 November 2018.

Sekolah yang ingin menyertai inisiatif Hari Kanak-Kanak Sedunia ini diminta untuk menghantar kertas cadangan aktiviti mengenai bagaimana mereka ingin menggunakan dan menyebarkan kebaikan di dalam menghentikan gejala buli. Cadangan aktiviti anda mesti dilampirkan bersama-sama Borang Kebenaran Pengetua/Guru Besar Sekolah.

Lima Sekolah Terpilih akan dipilih oleh satu barisan juri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Pertubuhan WOMEN:girls dan UNICEF daripada semua penyertaan yang telah diterima. Satu pasukan video profesional dan media sosial akan dihantar ke Lima Sekolah Terpilih tersebut untuk merakamkan aktiviti yang dilaksanakan supaya dapat dikongsi di semua landasan media sosial UNICEF Malaysia sebagai sebahagian daripada pengaktifan global Hari Kanak-Kanak Sedunia.

Tarikh-Tarikh Penting:

7 September – 31 Oktober 2018: Panggilan untuk Kertas Cadangan Aktiviti

5 November 2018: Pengumuman Lima Sekolah Terpilih

19 November 2018: #KidsTakeover Schools #MYkindness2018 Hari Kanak-Kanak Sedunia

Untuk maklumat lanjut, sila emel: shuen@womengirls.org

Saya, _____, selaku Pengetua/Guru Besar

_____ (sekolah) memberikan

kebenaran bagi pelajar-pelajar saya, di bawah pimpinan ketua projek _____

(*nama pelajar*) untuk menyertai Projek Kindness
#KidsTakeover Schools bagi Hari Kanak-Kanak Sedunia pada hari Isnin, 19 November
2018. Saya mengesahkan bahawa saya maklum aktiviti akan dikongsikan oleh UNICEF
Malaysia di semua landasan media sosialnya.

Tandatangan: _____

Nama Pengetua/Guru Besar: _____

Tarikh: _____



Muka surat ini memang dibiarkan kosong.

Muka surat ini memang dibiarkan kosong.

Muka surat ini memang dibiarkan kosong.



#KIDSTAKEOVER SCHOOLS

#MYKINDNESS2018

